



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA KE NEGERI KEDAH

14 Julai 2022, Baling – YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara mengadakan Lawatan Kerja ke Negeri Kedah dari 14 hingga 15 Julai 2022. Tujuan lawatan tersebut adalah bagi meninjau Gerak Kerja Pasca Banjir dan Tinjauan ke Dapur Komuniti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di kawasan yang terjejas akibat kejadian banjir lumpur di Baling, Kedah pada 4 Julai 2022.

2. YB Menteri Perpaduan Negara telah membuat lawatan ke Pusat Pengumpulan Bantuan Banjir Baling bagi mendengar Taklimat Kejadian Bencana Banjir oleh Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez bin Abdul Rahim

3. Atas dasar KPN prihatin dan semangat Keluarga Malaysia terhadap mangsa-mangsa banjir, YB Menteri kemudian melawat ke KRT Pekan Kupang (Sejahtera) dan KRT Pekan Kupang (Sentosa). Sempena lawatan ini YB Menteri telah meninjau Gerak Kerja Pasca Banjir di kawasan tersebut serta menyampaikan Sumbangan RT Cares kepada 42 keluarga terjejas di KRT Pekan Kupang (Sejahtera) dan 118 keluarga di KRT Pekan Kupang (Sentosa). Sumbangan RT Cares yang disediakan adalah periuk nasi elektrik, cerek elektrik, dapur gas, kopi, teh, biskut, selimut, toto, kain batik, kain pelikat, lampin pakai buang, tuala wanita dan pakaian dalam wanita. YB Menteri Perpaduan Negara turut menghulurkan sumbangan wang tunai kepada semua keluarga yang dilawati.

4. Beliau seterusnya mengadakan Tinjauan ke Dapur Komuniti di KRT Kampung Bok Bak – Tanjung Nering, Baling, Kedah. Beliau turut menyantuni Sukarelawan Dapur Komuniti KRT dan menyampaikan Sumbangan RT Cares kepada 20 keluarga yang terjejas. Sukarelawan Dapur Komuniti KRT telah bergotong royong memasak dan menyediakan makanan bagi membantu keluarga yang terjejas banjir.

5. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara berharap agar semua mangsa yang terkesan akibat banjir lumpur tersebut diberi kekuatan dan kesabaran bagi menghadapi musibah yang telah melanda mereka.

6. YB Menteri Perpaduan Negara turut akan menyampaikan sumbangan kepada 13 keluarga yang menjadi mangsa banjir di Kampung Baru Kupang yang berupa bantuan kewangan, barangan peralatan elektrik dan keperluan harian esok.

Kementerian Perpaduan Negara

14 Julai 2022

-TAMAT-

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (139)